

08/02/1997

Konsortium hantar jurutera ke India

KUALA LUMPUR, Jumaat - Konsortium Nat-Air Sdn Bhd dan Bywater Malaysia, yang mendapat projek bekalan air dan pembedungan di Karnataka, India, akan menghantar rombongan juruteranya ke negara itu, 14 Februari ini.

Rombongan itu akan melawat tapak projek dan menyediakan laporan lengkap berhubung projek itu berdasarkan dasar penswastaan yang diamalkan di Malaysia.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata berdasarkan perbincangan dengan Ketua Menteri Karnataka, J H Patel, konsortium terbabit akan menyediakan bekalan air di tiga daerah, termasuk Bangalore dan Osion, kawasan yang banyak industri baru.

"Projek ini turut membabitkan bekalan air dan pembedungan di satu kawasan di Karnataka, yang mana lebih dua juta penduduk di kawasan itu tidak mendapat bekalan air serta tidak mempunyai sistem pembedungan," katanya pada di majlis rumah terbuka Parti Gerakan, di sini hari ini.

Majlis itu dimeriahkan dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan yang juga Pengerusi MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan yang juga Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Sementara itu, Samy Vellu berkata, Renong Berhad (Renong) yang mendapat tender RM650 juta bagi membina lebuh raya sepanjang 120 kilometer (km) dari Bangalore-Mysore, akan menghantar pasukannya ke negara itu selepas hari raya puasa.

Menurutnya, dalam perbincangannya dengan Pengerusi Eksekutif Renong, Tan Sri Halim Saad, semalam, Renong amat serius dalam usahanya menjayakan projek itu.

Renong pada awalnya kurang berminat berikutan kapasiti kenderaan di sana sedikit. Bagaimanapun, Renong kemudiannya bersikap positif selepas Kerajaan Karnataka bersetuju projek itu dilaksanakan secara berperingkat iaitu mendahulukan kawasan sesak.

Di samping itu, beliau berkata, Renong juga diminta menyiapkan jalan lingkar sepanjang 64 km di Bangalore.

"Separuh daripada jalan itu (32 km) sudah siap dan Renong akan siapkan selebihnya. Renong kemudiannya akan mengutip tol.

"Selain itu, kita juga diminta membina lima persimpangan bertingkat," katanya.

Samy Vellu berkata, beliau akan pergi ke Karnataka sekali lagi bagi mengadakan perbincangan terakhir berhubung semua projek itu.

Menurutnya, semua projek itu dijangka akan dimulakan September depan sebaik sahaja perjanjian ditandatangani.

(END)